

# Tiada istilah tempoh 'pembelajaran' Kabinet baharu

BERITA HARIAN 6/3/2020 P. 11

**Prof Madya  
Dr Mohd  
Yusof Saari**



*Ketua Laboratori Kaedah  
Kuantitatif Analisis Dasar,  
Institut Kajian Dasar Pertanian  
dan Makanan, Universiti Putra  
Malaysia (UPM)*

**Selesai** sudah kemelut politik membabitkan kerajaan dan pemilihan Perdana Menteri selepas mengambil masa seminggu.

Semua Ahli Parlimen dan pimpinan politik perlu berjiwa besar menerima keputusan Yang di-Perutusan Agong. Kini masa untuk semua bekerja keras memulihkan ekonomi negara.

Sebagai penganalisis ekonomi, saya melihat Perdana Menteri,

Tan Sri Muhyiddin Yassin, memiliki kelebihan dalam mengurus ekonomi negara. Beliau berada dalam pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional (BN) sekian lama dan hampir dua tahun di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan (PH).

Pastinya beliau dapat menilai apakah kekurangan dan kelemahan dasar ekonomi BN dan PH yang boleh ditambah baik di bawah pentadbiran Perikatan Nasional (PN).

Dalam keadaan ekonomi negara bergerak perlahan, Perdana Menteri perlu memastikan pasukannya dalam kalangan mereka berpengalaman luas dan mempunyai arah tuju jelas terhadap portfolio dipegang.

Tiada lagi istilah tempoh 'pembelajaran' untuk barisan pasukan beliau. Risiko untuk tempoh 'pembelajaran' mungkin tinggi.

Perkara utama perlu diberi perhatian Perdana Menteri adalah memastikan keberkesanan pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi yang memperuntukkan suntikan RM20 bilion.

Suntikan ke atas sektor perniagaan melalui pakej rangsangan ini perlu diterjemah dalam bentuk manfaat ekonomi kepada rakyat.

Selain itu, beberapa bidang keutamaan daripada perspektif makroekonomi perlu diberi tumpuan oleh pasukan Perdana Menteri. Bidang keutamaan ini bukan perkara baharu, tetapi pelaksanaan dan keberkesanan sejak hampir dua tahun lalu agak perlahan.

Perkara pertama berkaitan pertumbuhan ekonomi, iaitu meningkatkan ketahanan ekonomi domestik dan mengukuhkan potensi eksport, selain mengenal pasti sumber pertumbuhan baharu yang mampu mengimbangi pen-

garuh sektor ekonomi sedia ada.

Ini termasuk merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar serta antara negeri, sekali gus menggalakkan pelaburan yang memberi impak besar kepada ekonomi domestik.

Perkara kedua berkaitan kesejahteraan kepada rakyat dengan fokus meningkatkan pendapatan, terutama golongan B40 dan M40, selain menangani permasalahan harga rumah, makanan dan keperluan rakyat lain.

Tidak boleh diketepikan usaha menangani permasalahan pekerjaan golongan belia dan graduan serta menstruktur semula sistem pendidikan bagi memastikannya adil kepada semua rakyat dan berkualiti.

Perkara ketiga merujuk kepada mekanisme bagi memastikan pertumbuhan ekonomi memberi kesejahteraan kepada rakyat.

Antara fokusnya ialah pembangunan dan pemeraksanaan perusahaannya kecil dan sederhana (PKS), selain menggalakkan persaingan dan mengurangkan monopoli pasaran.

Begitu juga usaha mengoptimum penggunaan sumber tenaga kerja yang terdapat dalam ekonomi, mengutamakan pembangunan di luar bandar dan negeri kurang membangun, memperbaiki struktur pasaran buruh serta mengoptimalkan potensi ekonomi digital.

Bidang keutamaan itu sudah terangkum secara langsung mahupun tidak langsung dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) yang perlu diteruskan.

Jajaran semula kepada strategi dalam wawasan itu boleh dilakukan jika perlu tanpa mengubah matlamat asalnya.